

Potensi sawit kekal kukuh meskipun harga susut – Zuraida

KUALA LUMPUR: Potensi dan prospek minyak sawit Malaysia akan kekal cerah pada separuh kedua 2022, memandangkan penerimaan global terhadap komoditi negara itu sudah semakin meluas, termasuk oleh pasaran yang bukan tradisional, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin.

Beliau melihat perkembangan itu sebagai satu kejayaan daripada kempen kementeriannya, 'Gerakan Global untuk Memperjuangkan Kebaikan Minyak Sawit' atau 'The Global Movement to Champion the Goodness of Palm Oil' yang bertujuan menepis dakyah dan maklumat salah mengenai komoditi terbesar negara itu.

Katanya, eksport minyak sawit Malaysia dan produk berasaskan minyak sawit menokok sebanyak 55.2 peratus kepada RM67.48 bilion dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini berbanding RM43.47 bilion sepanjang tempoh sama pada 2021.

Jelasnya, daripada jumlah berkenaan, sebanyak 66.1 peratus hasil eksport adalah daripada minyak sawit, iaitu RM44.63 bilion berbanding hanya RM28.8 bilion pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Selanjutnya dari segi volum, beliau berkata, eksport minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini juga meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada 11.47 juta tan berbanding 11.15 juta tan tahun lalu.

"Kementerian dan saya secara peribadi amat gembira melihat sawit atau 'tanaman emas' kita sudah dapat diterima dengan meluas di peringkat global seperti ditunjukkan dalam bentuk eksport yang menggalakkan dalam tempoh separuh pertama 2022.

"Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan seluruh agensi berkaitan atas usaha agresif dan tidak pernah jemu dalam mempromosikan minyak sawit Malaysia, khususnya dalam pelbagai misi perdagangan bersama saya di luar negara," katanya dalam satu kenyataan.

Zuraida berkata, Malaysia merekodkan eksport yang kukuh walaupun berlaku kemerosotan harga minyak sawit mentah (MSM) dan penyusutan pengeluaran MSM sebanyak 1.1 peratus kepada 8.27 juta tan sepanjang tempoh berkenaan berbanding 8.36 juta tan dalam tempoh separuh pertama 2021.

Beliau berkata, kemerosotan yang berlaku adalah disebabkan pengeluaran buah tandan segar (FFB) yang menyusut sebanyak 3.6 peratus sehektar sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2022, berbanding 7.16 tan sehektar sepanjang tempoh sama tahun lalu.

Sementara itu, Zuraida berkata, lonjakan mendadak dalam hasil eksport sebahagiannya adalah disebabkan peningkatan harga MSM, baik di dalam atau luar negara.

Antara Januari hingga Jun 2022, harga MSM melonjak sebanyak 55.9 peratus kepada RM6,330 satu tan berbanding RM4,061.50 satu tan bagi tempoh sama 2021.

Mengikut **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, hasil daripada eksport minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini meningkat kepada RM56.47 bilion atau peningkatan sebanyak 58.8 peratus berbanding tempoh lima bulan 2021.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/08/986363/potensi-sawit-kekal-kukuh-meskipun-harga-susut-zuraida>